

Headline **Ramai pelajar IPT masih lemah bahasa MELayu**
Date **31. Jul 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **38**
Section **Nasional** Article Size **59** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**
AdValue **1053.50**



Ramai pelajar IPT masih lemah bahasa Melayu

PERSATUAN Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) menyokong cadangan Profesor Diraja Ungku Aziz ketika menyampaikan ucapan utama pada Seminar Permuafakatan Kementerian Pengajian Tinggi Bersama Kementerian Pelajaran di

Universiti Putra Malaysia yang meminta kerajaan membuat perubahan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu demi memupuk perpaduan antara kaum di negara ini.

Pembelajaran bahasa Melayu perlu lebih berkesan ba-

gi mewujudkan suasana harmoni antara kaum.

Pandangan Profesor Diraja Ungku Aziz bahawa kebanyakan pelajar institusi pengajian tinggi belum sepenuhnya menggunakan bahasa Melayu memang benar.

Hakikatanya, ramai me-

ngabaikan bahasa kebangsaan ini.

**WAN MOHAMAD
WASIF WAN
MOHAMAD,**
*Yang Dipertua PBMUM
Kuala Lumpur.*